

NO. SOALAN: 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING**  
**[STAMPIN]**

**TARIKH : 07 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

**SOALAN :**

Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ] minta PERDANA MENTERI menyatakan usaha Kerajaan untuk menjayakan peniagaan “e-hailing” serta mereglasikan peniagaan sedemikian, nyatakan bagi seorang usahawan Malaysia yang ingin memulakan perniagaan “e-hailing” ataupun yang sedemikian rupa, senaraikan langkah-langkah serta permit mahupun kelulusan yang diperlukan. Senaraikan kos-kos yang bakal dikenakan, inisiatif-inisiatif baru yang akan dilaksanakan serta wujudnya insentif Kerajaan bagi menggalakkan usahawan tempatan dalam membangunkan industri tersebut.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana Ahli Berhormat sedia maklum, Parlimen Malaysia pada mesyuarat yang lalu telah meluluskan pindaan kepada Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 bagi membolehkan perkhidmatan *e-hailing* di kawal selia di negara ini. Setelah diwartakan, dasar-dasar berkaitan Perkhidmatan Kenderaan Pengangkutan Awam (PKPA) kenderaan *e-hailing* akan dikuatkuasakan kepada industri tersebut.
  
2. Untuk memulakan perniagaan *e-hailing*, pemohon perlu berdaftar dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) untuk mendapatkan Lesen Perniagaan Pengantaraan (LPP). Antara syarat-syarat dasar bagi permohonan mendapatkan LPP tersebut ialah pengendali *e-hailing* tersebut perlulah mendaftar sebagai Syarikat Sendirian Berhad atau Syarikat Berhad dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); atau mendaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sebagai Koperasi.

3. Syarikat berkenaan perlulah mempunyai sekurang-kurangnya seorang ahli lembaga pengarah / ahli lembaga koperasi berstatus warganegara dan menetap di Malaysia serta mempunyai perlindungan insurans bagi pemandu, kenderaan, penumpang dan pihak ketiga.
4. Seterusnya, pemegang LPP haruslah mempunyai aplikasi *e-hailing* yang memenuhi kriteria fungsi minima yang ditetapkan oleh SPAD. Pemegang LPP akan bertanggungjawab untuk memastikan pemandu yang berdaftar di bawah syarikat mereka juga mendaftar dengan SPAD di mana SPAD akan mengeluarkan e-Kad Pemandu kepada pemandu yang berdaftar. Pemandu dan kenderaan *e-hailing* juga tertakluk kepada dasar-dasar perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam yang ditetapkan oleh SPAD.
5. Di samping itu, pengendali *e-hailing* akan dikenakan caj untuk fi perlesenan dan fi pemprosesan. Jumlah fi dan maklumat selanjutnya mengenai fi akan diumumkan setelah pindaan kepada akta tersebut diwartakan.

Sekian, terima kasih.